

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BUKAN LISAN**  
**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : TUAN LIEW CHIN TONG**  
**[ KLUANG ]**

**SOALAN :**

**Tuan Liew Chin Tong [ Kluang ] minta PERDANA MENTERI**  
**menyatakan :-**

- (a) menyatakan perkembangan Indonesia-Malaysia-Thailand Growth Triangle (IMT-GT) terkini terhadap negeri-negeri Perlis, Kedah, Pulau Pinang, Perak dan Kelantan; dan
- (b) Apakah jadual masa untuk mewujudkan kawasan perindustrian kecil dan sederhana di sempadan Thailand-Malaysia.

**JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID B. OMAR,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di bawah Pelan Tindakan Pelaksanaan 2012-2016 IMT-GT, negara Malaysia terlibat dalam 32 projek dan program di dalam 8 bidang keutamaan merangkumi bidang kesalinghubungan 5 koridor IMT-GT, koridor Melaka-Dumai, penyelarasan peraturan dan prosedur perdagangan, promosi sektor perkhidmatan logistik dan rantai bekalan, pembangunan sektor perikanan, perdagangan berasaskan pertanian, pembangunan industri halal dan pembangunan sektor pelancongan.

Daripada jumlah itu, sebanyak 12 projek dan program IMT-GT yang membabitkan penglibatan negeri-negeri Perlis, Kedah, Perak dan Pulau Pinang. Senarai penuh projek dan program serta status terkini pelaksanaan adalah seperti di lampiran.

Di bawah Program Pelan Transformasi Ekonomi Sempadan Malaysia-Thailand 2013 – 2020 (*Border Economic Transformation Program*, BETP) yang diterajui oleh agensi Koridor Utara dan Wilayah Ekonomi Pantai Timur telah dikenalpasti projek untuk pembangunan industri kecil dan sederhana di kawasan sempadan. Antara projek yang dikenalpasti yang melibatkan pembangunan industri kecil dan sederhana di kawasan sempadan ialah dengan mewujudkan Zon Ekonomi Khas Bukit Kayu Hitam. Fokus utama bagi cadangan Zon Ekonomi Khas Bukit Kayu Hitam ini adalah bagi pembangunan industri berasaskan getah dan industri hiliran bernilai tinggi dan juga industri halal berasaskan makanan

dan bukan makanan. Pihak Kerajaan kini sedang meneliti secara terperinci berhubung dengan cadangan untuk mewujudkan Zon Ekonomi Khas Bukit Kayu Hitam dan menetapkan sasaran pelaksanaan di antara tahun 2015 dan 2017.

Sekian, terima kasih.